

Seminar  
PMR  
16 & 17 April  
(Skudai, JB)



# Timbuan Dunia Dino

Lihat  
muka  
**2**

**3**  
Personaliti:  
Muzik, Sukan  
Dunia Syazwan

**5**  
DiGi Live  
Sekolahku Berbakat:  
Petua Uji Bakat

**15**  
Fokus PMR:  
Sejarah  
Kekayaan Hasil Bumi,  
Campur Tangan British

di dalam

# Kenali Haiwan Prasejarah

OLEH NOOR AZLINA  
ZAINUDIN  
azlina@nsp.com.my

"Saya teruja bertemu ahli biologi, Prof Dr Ille kerana saya memang meminati mata pelajaran Sains selain berpeluang bertanya pelbagai perkara mengenai dinosaur yang sudah lama pupus," kata Fitriyani Hafzan Mohd Shaari.

Bagi Fitriyani, kerjaya sebagai seorang ahli biologi menyeronokkan kerana ia membabitkan banyak penyelidikan dalam dan luar makmal selain peluang kerjaya yang cerah dalam pelbagai cabang seperti kajian ubat-ubatan, pemprosesan makanan dan pembangunan tumbuhan.

Pelajar Tingkatan Satu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tasik Puteri, Rawang, Selangor itu ditemui semasa sesi bertemu ahli biologi yang juga Profesor Fizik, Teknologi Nano dan Biomimetik daripada Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN), Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Ille C Gebeshuber.

Selain peluang beramah mesra dengan Dr Ille selama dua jam, penyelidik dan pakar biomimetik itu turut memberi penerangan mengenai kewujudan dinosaur dan bagaimana ahli biologi dunia membuat telahan mengenai warna asas haiwan prasejarah itu daripada aspek biologi.

Sesi bertemu ahli biologi itu ialah satu daripada pelbagai aktiviti yang disusun sempena Festival Dinos Alive! yang



Pelajar tertarik dengan satu daripada replika dinosaur yang dipamerkan di PSN.



William Choo (kanan) dan adiknya, Wendy Choo dari SMK Taman Connaught, Selangor tertarik dengan replika dinosaur Pachycephalosaur yang dipamerkan.

berlangsung selama seminggu di Pusat Sains Negara (PSN), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ribuan pengunjung terutama kanak-kanak dan remaja yang ditemani ibu bapa masing tidak melepaskan peluang mengunjungi festival khas yang diadakan sempena


Pameran Dunia Dinosaur berlangsung mulai Disember lalu hingga hujung Mei nanti.

Pameran memaparkan 32 spesies dinosaur dianggarkan bersaiz sebenar. Tarikan utama pastilah *Tyrannosaurus* sepanjang 4.88 meter dan *Apatosaurus* sepanjang 7.01 meter.

Pengunjung tidak ketinggalan merakamkan gambar kenangan bersama replika bergerak yang mengeluarkan bunyi dan kelihatan seakan-akan hidup itu.


Selain pameran dinosaur, pelbagai aktiviti lain turut diadakan sepanjang seminggu Festival Dinos Alive! berlangsung misalnya Dinos Mask Up, menjejak dan menggali fosil dinosaur, seni dinosaur, membuat lencana, rantai kunci dan kad *pop-up* selain sesi bertemu ahli paleontologi, ahli arkeologi serta ahli sains.

Pameran *Dinos Alive* akan berlangsung sehingga 31 Mei depan dan dibuka mulai jam 9 pagi hingga 5 petang. Bayaran masuk yang dikenakan ialah RM5 bagi kanak-kanak dan remaja berusia empat hingga 17 tahun.



"Pameran ini memberi peluang pelajar mengetahui ciri-ciri dan tabiat pemakanan dinosaur mengikut spesiesnya. Pengetahuan ini mungkin boleh diperoleh daripada buku atau internet tetapi dengan datang sendiri ke PSN, pameran interaktif dan aktiviti sampingan yang diadakan menjadikan proses mengenali setiap spesies dinosaur menjadi lebih mudah."

Phagatleen Singh  
Pelajar Tingkatan Satu,  
SMK Bukit Sentosa, Rawang,  
Selangor.



Sebahagian pelajar menyertai aktiviti membentuk fosil dinosaur sambil dibantu fasilitator PSN, Encik Mohd Fadlli Abd Rashid (kanan).

"Dunia dinosaur sangat menakjubkan kerana kita tidak dapat menjangka saiz atau rupa sebenar mereka. Dengan adanya penyelidik seperti ahli biologi, haiwan yang sudah pupus ini dapat digambarkan untuk tatapan generasi hari ini."

Farra Zayani Mohd Zaki  
Pelajar Tingkatan Tiga,  
SMK Bandar Tun Hussein Onn, Selangor.

